



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 14 FEBRUARI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	48 TAHUN TERAJUI PERTUBUHAN, ULANG TAHUN LPP KE-48, SINAR AHAD -6 PANDEMIK COVID-19 TIDAK JEJAS SEKTOR PERTANIAN, ULANG TAHUN LPP KE-48, SINAR AHAD -7	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
3.	KEJORA TARIK BALIK TANAH PAJAKAN LANGGAR SYARAT, NEGERI KELANTAN/P.PINANG/KEDAH/JOHOR, SINAR AHAD -14	PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN (NAFAS)
4. 5.	CAP GESA MADA, JABATAN PERTANIAN AMBIL TINDAKAN, NEGERI KELANTAN/P.PINANG/KEDAH/JOHOR, SINAR AHAD -14 MADA DIGESA ATASI SEGERA MASALAH ANCAMAN BENA PERANG, NEGARA, KOSMO -14	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
6. 7. 8. 9. 10.	ANJUNG KELANA BANTU GELANDANGAN, NEGARA, KOSMO -14 NANAS MORIS TAK LAKU, PEKEBUN RUGI, DALAM NEGERI, UM -38 BAPA TUNGGAL OKU TANAM CILI DEMI BESARKAN DUA ANAK, DALAM NEGERI, UM -38 LELAKI OKU TETAP SEMANGAT JAGA ANAK, NEGARA, KOSMO -16 PEKEBUN RUGI, BUAH NANAS MORIS TIDAK DAPAT DIPASARKAN, NEGARA, KOSMO -16	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



48 tahun terajui pertumbuhan

Lembaga Pertubuhan Peladang harungi pelbagai cabaran bangunkan sektor agromakanan

Pergerakan Pertubuhan Peladang (PP) di negara ini telah bermula sejak tahun 1923 dan disatukan di bawah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) pada 14 Februari 1973.

LPP berdepan cabaran lebih kompleks dalam menyempurnakan peranan yang semakin mencabar, termasuk berhadapan komposisi golongan muda yang berminat dalam sektor pertanian semakin meningkat bilangannya, memiliki pelbagai idealisme, di samping terdedah kepada peningkatan teknologi pertanian moden.

Selama 48 tahun, LPP berusaha gigih dalam melaksanakan tanggungjawab yang dikategorikan kepada tiga fungsi utama iaitu sebagai Pendaftar, Ejen Pengurusan dan Ejen Pembangunan.

Usaha dalam melaksanakan tanggungjawab bagi merealisasikan hasrat pemimpin negara untuk membangunkan dan memperkasa penglibatan LPP dalam

sektor agromakanan negara adalah dengan membawa satu misi iaitu melahirkan peladang dan usahawan yang produktif serta progresif di samping meningkatkan sumbangan berkesan dalam sektor agromakanan negara.

Kepimpinan dan pengurusan yang cekap serta berkesan diperlukan untuk mencapai matlamat organisasi. LPP diterajui oleh tiga peringkat pengurusan mengikut peruntukan dalam Akta LPP 1973 (Akta 110) bagi membolehkan LPP diuruskan oleh mana-mana individu yang diberikan tanggungjawab dalam urusan pembentukan dasar dan pelaksanaan peranan sebagai agensi pembangunan, pengurusan serta pendaftar Pertubuhan Peladang.

LPP agensi bertanggungjawab melahirkan peladang produktif yang berdaya saing dan memberi sumbangan kepada sektor pertanian di negara ini. LPP yang juga pendaftar kepada Pertubuhan Pela-

dag, bertanggungjawab memastikan kemajuan dan peningkatan sosioekonomi masyarakat petani sentiasa menyokong kepada pembangunan dan pengukuhan aktiviti Pertubuhan Peladang.

Dalam tempoh 48 tahun, LPP telah terbukti menjadi pemacu kepada transformasi industri agromakanan yang dinamik dengan objektif untuk menjamin bekalan makanan, menjadikan industri agromakanan berdaya saing dan mampan dalam meningkatkan tahap pendapatan warga petani.

LPP memainkan peranan penting dalam membangunkan sektor pertanian negara terutamanya meningkatkan taraf hidup kumpulan sasaran iaitu peladang-peladang melalui program dan aktiviti yang menyumbang kepada peningkatan sosioekonomi mereka.

LPP melalui Pertubuhan Peladang Negeri Jentera (PPNJ) antaranya telah dipertanggungjawab oleh Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan (MAFI) bagi menyediakan Khidmat Mekanisasi Ladang kepada para peladang.

Perkhidmatan ini sebenarnya adalah untuk menampung dan membantu para peladang selain perkhidmatan mekanisasi yang diberikan oleh pemilik-pemilik jentera pertanian swasta dan petani sendiri.

Penglibatan PPNJ pada masa yang sama akan dapat mengawal kadar harga perkhidmatan yang dikenakan oleh pihak swasta kepada petani. Skop perkhidmatan yang disediakan oleh PPNJ Jentera merangkumi khidmat pembajakan tanah, perataan tanah sawah, pengapuran tanah, penuaian padi, khidmat pembaikan jentera dan peralatan pertanian milik petani serta pihak swasta.

Sejak awal penubuhan, LPP telah

menetapkan sasaran untuk memenuhi sekurang-kurangnya 30 peratus daripada keperluan khidmat pembajakan di luar jelajah sambil bertindak sebagai penstabil harga atau kos upah membajak.

Dalam sektor pertanian ini, LPP sangat menitik beratkan penggunaan teknologi terutamanya di kalangan pesawah. Penggunaan teknologi menjadikan pertanian lebih mudah, meningkatkan kecekapan dan seterusnya dapat meningkatkan hasil.

Penggunaan teknologi menjadikan bidang pertanian bukan lagi pekerjaan yang dikategorikan sebagai *Dirty, Danger & Difficult* (3D). LPP menyokong penggunaan teknologi dikalangan pesawah melalui galakan dan pendedahan teknologi baru.

PPN Jentera contohnya, sentiasa mencari jalan untuk menyesuaikan jentera yang ada dengan keperluan petani. Pelbagai inovasi telah dihasilkan bagi memberi perkhidmatan kepada pesawah. Antara inovasi yang dihasilkan adalah peralatan yang dinamakan *felese* di mana ianya boleh melaksanakan tiga kerja iaitu membaja, merata dan menanam pada satu masa.

Memperkasakan institusi dan ahli Peladang

Sejak di awal penubuhan LPP, kerajaan telah menggariskan bahawa peranan LPP adalah untuk memajukan masyarakat petani agar berjalan dengan penuh penyelarasan, serentak dan lancar. Antara matlamat yang perlu dicapai adalah memodenkan sektor pertanian agar dapat mengubah corak pertanian sara hidup (*subsistence farming*) kepada pertanian dagangan (*commercial farming*). Oleh itu LPP sentiasa merancang,



Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dato' Che Abdullah Mat Nawi sewaktu lawatan ke PPK Keningau Sabah untuk meminjau sendiri projek ahli PPK Keningau, Sabah.

mengusahakan apa-apa kemajuan pertanian dalam kawasan pengendalian Pertubuhan Peladang. Usaha ini akan meningkatkan sosio-ekonomi golongan sasaran iaitu masyarakat peladang.

Transformasi perlu dilakukan bagi membentuk dan menstruktur perniagaan Pertubuhan Peladang dengan lebih teratur dan terancang. Tahun 2021 adalah tahun di mana penyemakan semula keseluruhan perundangan LPP dan PP dilaksanakan bagi memperkasakan institusi peladang dan ahli peladang itu sendiri. LPP akan melaksanakan pindaan-pindaan sesuai dengan keperluan dan kehendak semasa. Yang paling penting dalam era moden dan dunia tanpa sempadan ini, aspirasi kerajaan di awal penubuhan iaitu untuk merubungkan PP ke arah *self-reliance* ataupun mampu

berdiri di atas diri sendiri sememangnya menjadi satu misi yang kekal relevan sehingga kini. Justeru, perundangan sedia ada akan dimantapkan agar selari dengan arah tuju untuk memperkasakan institusi peladang dan ahli-ahlinya.

48 tahun kukuh berdiri

48 tahun LPP berdiri megah bersama kejayaan-kejayaan yang dicapai. Pencapaian pengeluaran PP dan Peladang kekal pada tahap yang baik, malah permintaan bekalan makanan dalam tempoh PKP telah bertambah melebihi keadaan biasa.

Jumlah keahlian peladang mencecah 931,026 orang berbanding 104,114 orang ketika awal penubuhan pada tahun 1973. Pada hari ini, bilangan usahawan Peladang yang berjaya telah meningkat dan



Menyertai Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandoo (tiga dari kiri) dan Timbalan Menteri 1 MAFI, Datuk Seri Ahmad Hamzah (dua dari kanan) melakukan tinjauan ke PPHP Kuala Langat dan Pasar Segar Terkawal yang membantu ahli peladang memasarkan hasil mereka.



Pengerusi LPP, Dr. Nik Muhammad Zawawi Salleh mengadakan lawatan ke Projek Usahawan PPK Kuala Langat yang mendapat bantuan pinjaman Tabung Pembangunan Usahawan Peladang (TPUP).

mencapai 7,316 orang. Produk Stock Keeping Unit (SKU) hiliran PP dengan jenama PELADANG telah dikeluarkan sebanyak 198 SKU.

LPP juga berjaya merubah dan menarik peladang muda untuk bergiat dalam bidang pengeluaran. Cili, timun, sayur berdaun dan buah-buahan terpuhif umpamanya adalah antara komoditi utama yang dikeluarkan oleh peladang kecil sehingga mencapai tahap melebihi 40 peratus daripada keperluan di negara ini.

Dalam mencapai kejayaan, pelbagai cabaran telah diharungi dengan tabah termasuk pengalaman getir dan mencabar tahun 2020 yang belum pernah dilalui sebelum ini akibat daripada Penularan Pandemik Covid 19. Walaupun dilema setelah melalui tempoh 48 tahun, LPP telah menyeimbangkan keperluan semua *stakeholders* hingga tiada pihak yang terasa kepentingan mereka diabaikan.

Tugas dan peranan sebagai agensi yang membangunkan PP bagi membolehkan para peladang meningkatkan taraf hidup mereka dilaksanakan dengan dedikasi oleh semua peringkat warga kerja LPP dan PP.

Sejak dirujuk 48 tahun yang lalu, LPP bukan sahaja mematuhi arahan dan prosedur kerja yang ditetapkan oleh kerajaan malah tindakan untuk menambahkan sistem kerja yang lebih berkesan dan memenuhi kehendak pelanggan.

Penerapan nilai-nilai, amalan kerja yang produktif dan berintegriti telah diterapkan kepada semua peringkat warga kerja supaya dapat menghasilkan perkhidmatan yang cemerlang.

Dengan fokus yang diberikan oleh kerajaan, LPP menyahut cabaran dan amanah untuk memperkasakan peladang kepada suatu tahap ekonomi yang lebih mampan.

Pandemik Covid-19 tidak jejas sektor pertanian

PENULARAN wabak virus Covid 19 memberikan kesan kepada ekonomi negara. Demi membantu masyarakat peladang, LPP telah menerima jumlah peruntukan Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) keseluruhan sebanyak RM62 juta pada tahun 2020.

Peruntukan sebanyak RM4.79 bilion yang disalurkan kepada MAFI menerusi Belanjawan 2021 juga bakal memberi manfaat kepada peladang terutama dalam keadaan negara berdepan situasi sukar akibat penularan Covid-19.

Aktiviti pertanian dikategorikan sebagai essential services yang diteruskan untuk memastikan bekalan komoditi pertanian terutamanya getah dan kelapa sawit serta bekalan makanan seperti sayur-sayuran, hasil ternakan, perikanan tidak terjejas.

Jika diimbab ketika awal penularan pandemik Covid-19, berlaku kerugian kepada mere-

ka yang terlibat dengan aktiviti tanaman kerana terdapat lambakan sayur-sayuran yang terpaksa dibuang disebabkan tiada pembeli. Terdapat salah faham di jaringan pembekal dan pengedar di mana semua aktiviti pengangkutan penghantaran hasil pertanian telah terhenti. Namun, masalah tersebut telah diatasi dan aktiviti berjalan seperti biasa bagi memastikan pembekalan hasil pertanian mencukupi.

Bagi memastikan kelangsungan bekalan dan mempercepatkan pengedaran bekalan makanan negara, sepanjang tempoh PKP, LPP telah melaksanakan konsep jualan dan pengedaran melalui Pasar Segar Terkawal (PST). PST ini mendapat perhatian dan tumpuan di kalangan penduduk setempat kerana memasarkan barangan basah dan segar seperti ayam, daging, ikan, sayur-sayuran, buah-buahan serta pelbagai pro-



Perkhidmatan mekanisasi dan automasi ladang yang disediakan melalui PP khususnya PPN Jentera adalah untuk menggalakkan para peladang menggunakan jentera ladang secara intensif bagi meningkatkan produktiviti pengeluaran pertanian, mengurangkan penggunaan tenaga manusia dan meningkatkan daya saing produk pertanian.

duk industri asas tani.

Dalam tempoh PKP Bersyarat dan Pemulihan sehingga kepada gelombang ketiga pandemik Covid-19, agenda PST diteruskan oleh pergerakan Pertubuhan Peladang melalui Pusat Pengumpulan Hasil

Pertanian (PPHP) yang terdapat di seluruh negeri. Pelbagai saluran pemasaran telah diaktifkan bagi membekalkan hasil pertanian. LPP telah mengaktifkan PPHP yang diusahakan oleh Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di serata ne-

geri. Kini, sebanyak 165 buah PPHP telah diaktifkan dengan nilai dipasarkan berjumlah RM72.8 juta.

Perkhidmatan jentera juga tidak terhenti. Operator jentera di PPN Jentera telah memainkan peranan dengan memberikan perkhidmatan kejenteraan menuai padi, membajak dan merata tanah sawah sepanjang tempoh ini. Walaupun dalam tempoh PKP, jumlah perkhidmatan pembajakan telah dilaksanakan seluas 60,455 hektar (37 peratus) daripada 164,726 hektar dan perkhidmatan penuaian dilaksanakan seluas 40,365 hektar (26 peratus) daripada 155,174 hektar di mana telah memenuhi sasaran keperluan perkhidmatan pada tahap 30 peratus.

Keseluruhan Pertubuhan Peladang gigit melaksanakan peranan dalam memastikan kelangsungan bekalan makanan walaupun dalam tempoh PKP.

Warga emas meninggal atas pokok semarak

Ditemui dalam keadaan tersangkut pada dahan

Oleh SITI FATIHAH AWANG

KOTA BHARU

Seorang warga emas ditemui tidak sedarkan diri sebelum disahkan meninggal dunia, dalam keadaan tersangkut pada ketinggian kira-kira lapan meter di dahan pokok semarak berhampiran rumahnya di Tanjung Mas di Pengkalan Chepa di sini pada Sabtu.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Pengkalan Chepa, Mohd Fakri Mazlan berkata, Zakaria Adam, 62, ditemui terkulai di dahan pokok berkenaan selepas pihaknya menerima panggilan kecemasan pada 9.40 pagi.

Beliau berkata, mangsa dipercayai mengambil upah menebang pokok tersebut, pengsan dan tersangkut pada dahan pokok.

"Dua rakannya cuba panggil tetapi mangsa tidak menyahut. Mereka kemudiannya memaklumkan kepada tuan rumah dan menghubungi balai bomba untuk dapatkan bantuan," katanya kepada *Sinar Ahad* di sini.

Menurutnya, tujuh anggota



Mangsa yang tidak sedarkan diri di atas pokok sebelum disahkan meninggal dunia dalam kejadian di Tanjung Mas, Pengkalan Chepa pada Sabtu.

digerakkan ke lokasi kejadian dan mangsa telah diberikan rawatan awal; namun tidak menunjukkan sebarang tindak balas positif.

Mohd Fakri berkata, mangsa telah diperiksa oleh pasukan perubatan, namun disahkan meninggal dunia dan dibawa ke Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) untuk pemeriksaan lanjut.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kota Bharu, Asisten Ko-

misioner Abdul Rahim Daud mengesahkan kejadian itu berkata, kematian warga emas terbabit tiada kaitan dengan unsur jenayah.

Katanya, mangsa berasal dari Kampung Sireh, Bawah Lembah itu bekerja sendiri.

"Siasatan awal dan pemeriksaan pada badan mangsa tidak menunjukkan apa-apa tanda kecederaan mahupun unsur jenayah," katanya ketika dihubungi di sini.

Kejora tarik balik tanah pajakan langgar syarat



Che Zakaria (tengah) dan Mohd Selim menyampaikan bantuan barang keperluan asas kepada penduduk di pekarangan Surau Al Asyariah, Flat Balau, Taman Rinting, Pasir Gudang pada Sabtu.

PASIR GUDANG - Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (Kejora) akan menarik balik tanah miliknya yang dipajakkan kepada pihak korporat, syarikat atau individu yang melanggar syarat-syarat pajakan.

Pengerusi Kejora, Datuk Seri Che Zakaria Mohd Salleh berkata, antara pelanggaran syarat ialah tidak mengikut tanaman dipersejuti dalam kontrak.

Beliau turut memberi contoh akan menarik balik tanah 161 hektar daripada Pertubuhan Peladang Kawasan (Nafas) kerana melanggar syarat dipersejuti dalam kontrak kerana sepatutnya ditanam dengan koko tetapi ditukar kepada kelapa sawit.

"Surat sudah pun dihantar kepada Nafas untuk mendapatkan jawapan. Kita tidak kira siapa. Jika langgar syarat, tanah pajakan ditarik balik. Pada masa ini, pihak pengurusan Kejora sedang menyiasat dan mendapatkan senarai pihak yang melanggar syarat termasuk jumlah kerugian ditanggung Kejora akibat kesalahan ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan bantuan barang keperluan asas kepada penduduk di pekarangan Surau Al Asyariah, Flat Balau, Taman Rinting di sini pada Sabtu.

CAP gesa MADA, Jabatan Pertanian ambil tindakan

GEORGETOWN - Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) menjalankan kajian secara terperinci dan mengambil tindakan lebih berkesan bagi mengatasi ancaman bena



MOHIDEEN

perang ke atas tanaman padi di Kedah dan Perlis.

Presidennya, Mohideen Abdul Kader berkata, pihaknya kesal kerana masalah itu berlaku sejak lebih 20 tahun.

Menurutnya, ia menyebabkan petani terlibat mengalami kemerosotan hasil padi dan sumber pendapatan.

"Pada 9 Februari lalu, akhbar melaporkan mengenai masalah ini. CAP bimbang jika ancaman tersebut gagal ditangani dengan berkesan, ia boleh menjejaskan ekonomi dan menjejaskan jumlah be-

ISU BENA PERANG

kalan makanan negara pada masa depan," katanya pada Sabtu.

Sehubungan itu, Mohideen berkata, pihaknya meminta MADA dan Jabatan Pertanian mengkaji beberapa perkara penting dalam penanaman padi di kawasan tersebut.

"MADA dan Jabatan Pertanian perlu mengkaji penggunaan benih padi kurang berkualiti dan tidak mempunyai daya tahan daripada ancaman serangga perosak serta penyakit.

"Mereka juga perlu mengkaji penggunaan racun makhluk perosak dan baja kimia, sistem tabur terus dan lain faktor yang menyumbang kepada berlakunya ancaman ini," katanya.

Wanita miliki sembilan ekor pelanduk tanpa lesen ditahan

LANGKAWI - Seorang wanita ditahan kerana memelihara sembilan ekor pelanduk tanpa lesen di Kampung Mawat Ulu Melaka, di sini pada Sabtu.

Komander Pasukan Rolis Marian (PPM) Wilayah Sabu Pulau Pinang, Asisten Komisioner Rosman Ismail berkata, wanita berusia 46 tahun itu ditahan sepasukan anggota PPM Langkawi dan anggota Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) selepas menerima maklumat Unit Risikan Marin (URM) Langkawi.

"Kita menemui sembilan

pelanduk ketika pemeriksaan sekitar rumah tersebut.

"Suspek juga gagal mengemukakan surat kebenaran Perhilitan Langkawi," katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Rosman berkata, pelanduk yang dirampas dianggarkan bernilai RM1,500 kemudiannya dibawa ke Jabatan Perhilitan Langkawi untuk tindakan lanjut.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 60(1)(a) Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 dan suspek kemudian dibebaskan dengan jaminan polis.

Sebahagian pelanduk dipelihara wanita tersebut di sebuah rumah di Kampung Mawat Ulu Melaka di sini pada Sabtu.



KWP bangun pusat transformasi 1 Mac ini

Anjung Kelana bantu gelandangan

Oleh RASDAN AHMAD

KUALA LUMPUR - Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) bakal membuka Pusat Transformasi Gelandangan sebagai usaha untuk membantu golongan itu keluar daripada keadaan yang mereka alami ketika ini.

Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa berkata, pusat transformasi yang bakal dikenali sebagai Anjung Kelana itu dijangka beroperasi pada 1 Mac ini.

"Pembinaannya adalah susulan daripada Anjung Singgah yang terletak di Jalan Pahang, Kuala Lumpur iaitu para gelandangan ditempatkan di situ dan diberi makan serta minum.

"Anjung Kelana pula adalah program berkembar dan mengkhususkan untuk gelandangan yang terpilih setelah melalui saringan bagi menilai tahap keupayaan mental, fizikal dan produktif untuk diberikan pekerjaan yang sesuai," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyampaikan Microgreen Kit kepada 23 gelandangan di Pusat Gelandangan Sementara (PGS) di Sentul Perdana di sini semalam.

Terdahulu, Annuar turut melakukan lawatan dan menghulur-



ANNUAR (kanan) melihat tanaman yang diusahakan menerusi Projek Pertanian Bandar di Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur semalam.

kan bantuan kepada golongan gelandangan pada Projek Pertanian Bandar di Kampung Seri Malaysia, Bandar Tun Razak di sini.

Mengulas lanjut, Annuar berkata, sebahagian gelandangan akan bekerja dalam Program Pertanian Bandar serta kerja-kerja lain yang boleh dilaksanakan di

Anjung Kelana tidak lama lagi.

Sebelum ini, Annuar mengumumkan satu projek khas dirangka untuk gelandangan yang dikenali Anjung Kelana di ibu negara dengan tujuan membantu menempatkan dan melatih golongan gelandangan sehingga mampu berdikari.



DR. AHMAD LUQMAN (dri) melakukan fisioterapi ke atas Muhammad Faiz Yeo di rumahnya di Seksyen 25, Shah Alam semalam.

MyHeart santuni lebih 1,000 pesakit

SHAH ALAM - Menyedari tidak ramai yang berkemampuan mendapatkan rawatan di hospital, Pertubuhan Kesihatan Jantung Malaysia (MyHeart) mengambil inisiatif memberikan rawatan secata percuma kepada rakyat Malaysia.

Pengerusi pertubuhan bukan kerajaan itu, Dr. Ahmad Luqman Ahmad Shuhaili berkata, setakat ini, pihaknya menyantuni lebih 1,000 pesakit di seluruh negara.

"Pada mulanya, kita memfokuskan untuk merawat dan menaja perbelanjaan pesakit jantung.

"Kini perkhidmatan ini diperluaskan kepada cuci luka, fisioterapi, menukar tub rawatan dan lain-lain lagi," katanya

ketika ditemui di Seksyen 25 di sini semalam.

MyHeart turut merancang membeli dua buah ambulans bagi kegunaan membawa pesakit yang dalam kecemasan ke hospital.

Orang ramai yang mahu beri sumbangan boleh disalurkan ke akaun Bank CIMB MyHeart bernombor 8603092023.

Sementara Muhammad Riduan Yeo Abdullah, 54, berkata, dia bersyukur kerana MyHeart membantu menguruskan anaknya, Muhammad Faiz Yeo, 20, yang terlantar di rumah akibat kemalangan jalan raya.

"Muhammad Faiz tidak boleh bergerak, jadi sukar untuk kami membawanya ke hospital," katanya.

Mada digesa atasi segera masalah ancaman bena perang

GEORGE TOWN - Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) menjalankan kajian secara terperinci dan mengambil tindakan berkesan bagi mengatasi masalah ancaman bena perang di atas tanaman padi di Kedah dan Perlis.

Presiden CAP, Mohideen Abdul Kadir berkata, pihaknya kesal walaupun masalah itu berlaku sejak lebih 20 tahun lalu, namun masih gagal ditangani dengan berkesan sehingga sekarang.

"Masalah ini menyebabkan petani-petani yang terlibat mengalami kemerosotan hasil padi dan sumber pendapatan yang teruk.

"CAP percaya jika punca kejadian gagal dikesan dan diambil tindakan, ia boleh merebak sekali gus menjejaskan kehidupan



SEBAHAGIAN pokok padi yang rosak akibat diserang penyakit bena perang yang berlaku di Yan, Kedah pada bulan lalu.

KERATAN Kosmo! bertarikh 9 Februari 2021.



petani-petani di kawasan jelapang padi ini dengan lebih teruk lagi pada masa akan datang," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Sebelum ini, akhbar melaporkan serangan penyakit bena perang di kawasan Mada di Kedah dan Perlis kini mencapai tahap hopperburn atau kematian pokok padi di kebanyakan sawah. Ini berlaku pada musim November tahun lalu hingga 3 Februari lalu.

Menurut Mohideen, CAP bimbang jika ancaman tersebut gagal ditangani dengan segera ia boleh menjejaskan ekonomi dan bekalan makanan negara pada masa akan datang.

"Pada musim November 2020 hingga 3 Februari lalu, sejumlah 725 hektar sawah padi di Mada Kedah dan Perlis diancam

mahluk perosak ini dan 277 hektar daripada jumlah itu musnah.

Antara kawasan-kawasan yang serius mengalami masalah tersebut adalah Kota Sarang Semut, Jitra, Pendang di Kedah dan Perlis.

Tambah beliau, CAP meminta supaya pihak Mada dan Jabatan Pertanian mengkaji beberapa perkara penting yang mungkin menjadi punca masalah berkenaan.

"Mada dan Jabatan Pertanian perlu menilai dan mengkaji sama ada penggunaan benih padi kurang berkualiti dan tidak mempunyai daya tahan atau penggunaan racun mahluk perosak dan baja kimia, sistem tabur terus dan lain-lain faktor yang dilihat boleh menyumbang kepada berlakunya ancaman ini," katanya.

Nanas Morris tak laku, pekebun rugi

Oleh MUHAMMAD ZIKRI
utusannews@mediamula.com.my

PONTIAN: Sekumpulan pekebun kecil yang menanam buah nanas di tanah berkeluasan kira-kira 300 ekar di Kampung Parit Betak, Benut di sini rumsing apabila tanaman mereka yang sudah boleh dituai kini berdepan lambakan ekoran aktiviti pembelian yang perlahan.

Rata-rata mereka yang menanam kira-kira 15,000 pokok bagi setiap ekar terpaksa menjual buah bervariasi Morris itu pada harga RM1 sebiji bagi mengelak buah rosak disebabkan peraih tidak mengambil tanaman itu dipercayai kerana kurang permintaan.

Pekebun, Mohd. Mazlan Khairol, 56, yang mengusahakan tanaman itu di atas tanah kira-kira 4.05 hektar berkata, mereka juga terpaksa membiar-

kan buah tersebut masak tanpa dipetik kerana ketiadaan pembeli sejak beberapa minggu lalu.

"Kami menghadapi masalah memasarkan nanas yang telah sampai masanya untuk dituai. Jika hasil tuaian ini tidak dapat dipasarkan mengikut masa yang ditentukan, saya akan menanggung kerugian yang besar.

"Kebiasaannya, nanas grad A dijual dengan harga RM1.40 sebiji, grad B (RM1.10) dan grad C (60 sen) dengan anggaran pengeluaran sebanyak 7,000 biji bagi satu-satu masa, tetapi kini, saya hanya menjual pada harga RM1 sebiji tanpa mengira grad kepada yang datang terus membelinya di kebun," katanya ketika ditemui *Mingguan Malaysia* di sini.

Kata Mohd. Mazlan, masalah sama turut dihadapi pekebun kecil di Batu Pahat, Muar dan Kuala Lumpur.

Ketika ini jelasnya, dia meng-

gunakan media sosial untuk mempromosikan buah-buah nanas itu yang dijual pada harga RM1.

Seorang lagi pekebun, Mohd. Talib Tunif, 50, berkata, mereka disebabkan kekurangan pembeli apatah lagi ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Peraih takut untuk membeli kerana tidak mahu mengambil risiko nanas tidak habis dijual ketika PKP ditambah pula tiada majlis-majlis perkahwinan dibenarkan yang selalunya akan menggunakan buah itu untuk membuat pakeri dan sebagainya.

"Maka, disebabkan itu para peraih pun tidak mahu menanggung kerugian kerana permintaan tidak banyak," katanya yang berdepan kerugian melebihi RM10,000 membabitkan tanaman nanas seluas 30 ekar diusahakannya.



GAMBAR yang tular menunjukkan Foo Sheh Yong memberikan buah limau kepada pekerja pembersihan Majlis Daerah Gerik.

'Kalau mereka tak ada, kita akan susah'

IPOH: Seorang lelaki yang gambaraya dirakam memberi buah limau kepada pekerja pembersihan Majlis Daerah Gerik (MDG) dan tular sejak kelmarin, berbuat demikian kerana mahu menghargai jasa pekerja terbabit.

Lelaki berkenaan, Foo Sheh Yong, 29, guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Kuala Rui, Gerik berkata, dia memberikan limau kepada pekerja terbabit Khamis lalu, pada hari majlis 'makan besar' menjelang sambutan Tahun Baharu Cina.

Menurutnya, dia menunggu lori mengangkut sampah MDG yang melalui jalan belakang rumahnya semata-mata untuk memberikan para pekerja pembersihan itu buah limau.

"Saya memberikan mereka limau, air minuman dan angpau. Saya terharu kerana

mereka gembira dengan pemberian saya itu.

"Sebenarnya saya sudah hendak memberikan sesuatu kepada pekerja terbabit selepas melihat kesungguhan mereka melakukan kerja terutama semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)," katanya ketika dihubungi *Mingguan Malaysia* di sini semalam.

Menurut Sheh Yong, ketika semua masyarakat terpaksa duduk di rumah disebabkan PKP, para pekerja terbabit tetap menjalankan tugas mereka.

"Kalau mereka tak ada, kita akan susah. Sebelum ini saya biasanya memberikan limau dan angpau kepada pekerja pembersihan di sekolah.

"Namun kali ini demi hendak menghargai pekerja pembersihan MDG," katanya.



MOHD. Mazlan Khairol menunjukkan buah nanas yang belum dipetik meskipun sudah boleh dituai di kebun nanas di Kampung Parit Betak, Benut, Pontian, Johor. - MINGGUAN/MUHAMMAD ZIKRI

Bapa tunggal OKU tanam cili demi besarkan dua anak

PARIT: Meskipun keadaan kudrat tidak sama seperti mana orang lain lantaran berstatus orang kurang upaya (OKU), itu tidak melunturkan semangat Shahrudin Lop Ahmad, 43, untuk terus membesarkan dua anak dan ibu, selepas ditinggal isteri, lebih empat tahun lalu.

Dia bersama Mohd. Nizam Zulkifli, 37, mengusahakan tanaman cili fertigasi di atas

tanah milik rakannya itu seluas 0.07 hektar membabitkan 1,360 polibeg.

"Saya tidak mahu menoleh ke belakang, fokus saya adalah untuk membesarkan dua anak lelaki, masing-masing berusia 11 dan lapan tahun, yang kini di bawah jagaan saya.

"Selepas dibenarkan keluar wad pada 2017 dan bertukar status kepada OKU, saya dan ra-

kan mengikuti kursus pertanian anjuran Institut Pertanian Titi Gantung, kami bermula dengan tanaman secara batias dan hanya mula menanam melalui teknik fertigasi sejak tahun lepas," katanya yang ditemui di Kampung Changkat Banjar di sini semalam.

Shahrudin berkata, dia sangat bersyukur kerana mendapat sokongan banyak pihak

khususnya ibu, Fatimah Mohd. Rashid, 73, rakan dan doktor pakar di Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) ipoh yang banyak memberikan kata semangat meneruskan kehidupan.

Katanya, pada awal selepas sembuh daripada penyakit, dia terpaksa memakai tiub pada hidung kerana tidak boleh menjamah makanan pejal dan hanya bergantung kepada susu khas.

"Setiap kali rawatan susulan saya perlu menimbang berat badan kerana badan susut dengan teruk, yang kelihatan hanya tulang dan rangka," katanya.

Katanya, biarpun ditinggalkan isteri, kini kehidupannya semakin bertambah baik dan menhabsiskan rutin hariannya dengan mengusahakan tanaman cili fertigasi.



SHAHRUDDIN (tiri) melihat tanaman cili fertigasi hasil usaha Shahrudin bersama rakanannya di Kampung Changkat Banjar, Parit baru-baru ini.



SHAHRUDDIN tetap tekad membesarkan dua anaknya menerusi penglibatan dalam aktiviti menanam pokok cili.

Suami ditinggal isteri usahakan tanaman cili fertigasi untuk tampung kehidupan

Lelaki OKU tetap semangat jaga anak



Oleh SHAARANI ISMAIL

PARIT - Meskipun kudratnya tidak sama seperti mana orang lain selepas dikategorikan sebagai orang kelainan upaya (OKU), namun sedikit pun tidak melunturkan semangat seorang bapa tunggal, Shahrudin Lop Ahmad, 43, untuk membesarkan dua anak dan ibunya.

Shahrudin bersama rakanannya, Mohd. Nizam Zulkifli, 37,

kini mengusahakan tanaman cili fertigasi di atas tanah seluas 0.07 hektar membabitkan 1,360 polibeg.

Menurut beliau, dia pernah melalui kehidupan yang cukup perit apabila terlanjur selama hampir setahun di hospital akibat menghidap penyakit achalasia esofagus pada 2016 selain ditinggalkan isteri sekali gus terpaksa memikul kesemua tanggungjawab untuk mengurus keluarganya.

"Saya tidak mahu menoleh ke belakang, fokus saya adalah untuk membesarkan dua anak lelaki yang berusia 11 dan 8 tahun.

"Selepas dibenarkan keluar wad pada 2017 dan bertukar status kepada OKU, saya dan Nizam mengikuti kursus pertanian anjuran Institut Pertanian Titi Gantung, kami bermula dengan

tanaman secara batas dan hanya mula menanam melalui teknik fertigasi sejak tahun lepas," katanya yang ditemui di Kampung Changkat Banjar di sini.

Shahrudin yang buta sebelah mata berkata, dia sangat bersyukur kerana mendapat sokongan banyak pihak khususnya ibu, Fatimah Mohd Rashid, 73, rakan dan doktor pakar di Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB).

Katanya, pada awal selepas sembuh daripada penyakit, dia terpaksa memakai tub pada hidung kerana tidak boleh menjamah makanan pejal dan hanya bergantung kepada susu khas.

"Setiap kali rawatan susulan saya perlu menimbang berat badan kerana badan susut dengan teruk, yang kelihatan hanya tulang dan rangka.

"Bagai jatuh ditimpa tangga,

isteri pula tinggalkan keluarga selepas melihat keadaan saya. Tekanan ketika itu cukup kuat dan hanya Tuhan yang tahu.

"Alhamdulillah, Allah pertemukan saya dengan Nizam dan kami kemudian berpakat melaksanakan projek tanaman cili hingga ke hari ini," katanya.

Shahrudin berkata, dia disahkan menghidap penyakit achalasia esofagus pada 2016 yang mengakibatkan esofagusnya gagal berfungsi serta terlanjur lebih setahun di wad 2A HRPB.

Katanya, kini kehidupannya semakin bertambah baik dan menghabiskan rutin hariannya dengan mengusahakan tanaman cili fertigasi.

"Tanaman sudah pun mengeluarkan hasil dan kami memetik cili setiap dua hari dengan anggaran 20 kilogram hingga 30

kilogram hasil yang dijual kepada peraih pada harga kira-kira RM7 sekgrogram.

"Alhamdulillah setakat ini kutipan hasil cili membuahkan hasil yang cukup baik," katanya yang turut mendapat bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Pertanian Negeri Perak.

Katanya, Jabatan Pertanian turut menyumbang sebanyak 500 polibeg benih, manakala selebihnya diusahakan melalui pusingan modal terdahulu.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Belanja, Khairuddin Abu Hanipah berkata pihaknya akan cuba mendaftarkan Shahrudin dengan Persatuan OKU Perak bagi membolehkan dia mendapat bantuan, latihan dan kemahiran yang bersesuaian.

Pekebun rugi, buah nanas moris tidak dapat dipasarkan

PONTIAN - Sekurang-kurangnya 10 pekebun kecil di Kampung Parit Betak, Benut di sini mengalami kerugian ribuan ringgit selepas buah nanas yang diusahakan mereka tidak dapat dipasarkan.

Seorang pekebun, Mohd. Mazlan Khairul, 56, berkata, buah nanas tidak dapat dipasarkan ekoran peraih tidak mahu membeli dengan pekebun biarpun ditawarkan dengan harga murah.

Jelasnya, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) juga menjadi antara punca buah nanas tidak dapat dipasarkan kerana kurang mendapat per-

mintaan.

"Saya usahakan nanas jenis moris di kawasan tanah seluar 10 ekar, pekebun lain juga berdepan masalah sama dan nanas yang ditanam seluas kira-kira 121 hektar sudah boleh dituai.

"Bagaimanapun, buah nanas tak dapat dipasarkan sebab PKP sehingga menyebabkan lambakan nanas, malah dekat pokok masih banyak belum dituai," katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Mohd. Mazlan berkata, bagi memasarkan buah nanas itu, dia melakukan pemasaran dalam talian atau online.

Jelasnya, nanas ditanam mengambil masa selama setahun sebelum dapat dituai.

"Setiap kali tiba musim tuai, sekurang-kurangnya 7,000 biji buah nanas diambil dan dijual mengikut gred.

"Nanas gred A dijual dengan harga RM1.40 sebiji, Gred B pula RM1.10 manakala Gred C dijual dengan harga RM0.60," katanya.

Sementara itu, seorang lagi pekebun, Mohd. Talib Tunif, 50, berkata, lambakan buah nanas bukan sahaja berlaku di Pontian tetapi turut melibatkan daerah lain seperti Batu Pahat, Muar dan Kuala.



MOHD. MAZLAN menunjukkan lambakan buah nanas moris yang masih tidak dapat dipasarkan di kebunnya di Kampung Parit Betak, Benut.